



www.moh.gov.bn



corp.comms@moh.gov.bn

SIARAN AKHBAR

KEMENTERIAN KESIHATAN

**PERUTUSAN
YANG BERTHORMAT
DATO SERI SETIA DR HAJI MOHAMMAD ISHAM BIN HAJI JAAFAR
MENTERI KESIHATAN
SEMPENA SAMBUTAN MINGGU IMUNISASI SEDUNIA 2026**

24 – 30 APRIL 2026

TEMA:

"Bagi Setiap Generasi, Vaksin Berkesan"

(For Every Generation, Vaccines Work)

1. Negara Brunei Darussalam bersama dengan negara-negara ahli Pertubuhan Kesihatan Sedunia yang lain menyambut Minggu Imunisasi Sedunia setiap tahun pada 24 – 30 April yang bertujuan untuk mengingatkan orang ramai mengenai kepentingan vaksin dalam melindungi semua peringkat umur daripada penyakit yang boleh dicegah melalui vaksin. Pada tahun ini, sambutan Minggu Imunisasi Sedunia 2026 membawa tema "*Untuk Setiap Generasi, Vaksin Berkesan*" yang menekankan peranan penting vaksin dalam melindungi individu pada setiap peringkat kehidupan — dari anak damit hingga warga emas.

2. Pemberian vaksin merupakan salah satu intervensi kesihatan awam yang sangat penting lagi kos efektif dalam pencegahan penyakit-penyakit yang boleh dicegah seperti campak, poliomielitis, difteria dan pertusis. Dalam tempoh 50 tahun yang lalu, vaksin telah menyelamatkan lebih daripada 150 juta nyawa – ini bukan secara kebetulan, tetapi kerana individu memilih untuk melindungi diri mereka, keluarga mereka dan komuniti mereka. Impak ini adalah bersamaan dengan menyelamatkan enam nyawa setiap minit, setiap hari, selama lebih lima dekad. Keputusan setiap keluarga untuk memberi vaksin kepada anak-anak mereka, bersama komitmen dari kakitangan kesihatan untuk memastikan setiap kanak-kanak menerima vaksin, serta komitmen yang kukuh daripada kepimpinan negara, telah membantu meningkatkan kadar kelangsungan hidup anak damit sebanyak 40% dalam tempoh 50 tahun yang lalu dan melindungi puluhan juta kanak-kanak daripada kecacatan seumur hidup.

3. Alhamdulillah, di Negara Brunei Darussalam, semua rakyat dan penduduk di Negara ini dapat menerima perkhidmatan vaksin daripada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Program Perluasan Imunisasi Kebangsaan (*Expanded Programme for Immunisation*), Kementerian Kesihatan. Program Perluasan Imunisasi Kebangsaan Negara Brunei Darussalam ini menyediakan vaksin-vaksin yang menyeluruh, selamat dan berkesan merangkumi 12 jenis vaksin untuk penyakit yang boleh dicegah melalui vaksin. Pemberian vaksin kepada semua rakyat dan penduduk melalui klinik Kesihatan Ibu dan Anak (MCH), perkhidmatan kesihatan sekolah, serta perkhidmatan vaksinasi dalam komuniti, Negara Brunei Darussalam telah berjaya mengekalkan pencapaian kadar liputan

imunisasi kanak-kanak yang tinggi iaitu lebih dari 95% perlindungan sepanjang dekad yang lalu. Hal ini boleh menyumbang kepada pengawalan dan penghapusan penyakit cegahan vaksin di negara ini seperti campak, rubela dan poliomielitis.

4. Disamping itu, pengenalan vaksin *Pertussis* bagi ibu mengandung pada bulan November 2024, dan pengenalan *Vaksin Konjugat Pneumokokal (PCV)* untuk anak damit dalam Program Perluasan Imunisasi Kebangsaan pada bulan Februari 2025, menyerlahkan lagi komitmen Kerajaan Negara Brunei Darussalam dalam memastikan kesihatan dan kesejahteraan yang baik bagi penduduk negara ini. Pencapaian Program Perluasan Imunisasi Kebangsaan telah juga berjaya menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai salah satu negara yang diisytiharkan bebas dari penyakit Polio, Measles dan Rubella, sejak dua dekad lalu.
5. Walaupun Negara Brunei Darussalam telah mencapai kemajuan yang tinggi dalam pencapaian imunisasi, Kementerian Kesihatan ingin menggalakkan semua ibu bapa, penjaga dan individu untuk memastikan vaksinasi sentiasa dipatuhi mengikut jadual yang telah diberikan di klinik-klinik. Ini amat penting bagi mencegah kemunculan semula penyakit yang masih menjadi ancaman di peringkat global, terutamanya dalam keadaan di mana konflik global dan perpindahan penduduk sedang berlaku.
6. Selaras dengan tema "*Untuk Setiap Generasi, Vaksin Berkesan*" Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam terus kekal komited dalam melindungi kesihatan negara melalui program imunisasi yang kukuh dan mampan. Dengan memastikan liputan yang tinggi serta akses

yang saksama, Negara Brunei Darussalam akan terus melindungi generasi masa kini dan akan datang daripada penyakit cegahan vaksin.

-TAMAT-